



TUNKU Ismail Sultan Ibrahim bersama penerima bintang dan pingat Persekutuan Pengakap Malaysia di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Baru Pahat, baru-baru ini.

## Pengakap mampu atasi krisis identiti - Tunku Ismail

BATU PAHAT 2 Ogos - Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkata, penyertaan remaja dalam pasukan beruniform seperti pengakap dapat membantu mengatasi krisis identiti dalam kalangan golongan itu yang dibimbangi boleh membawa kepada kehancuran moral.

Menurutnya, nilai murni dan jati diri yang diterapkan dalam pasukan

pengakap seperti bersemangat patriotik, jujur dan hormat-menghormati, dapat mengelakkan krisis identiti yang menyebabkan remaja mudah terpengaruh dengan budaya negatif.

"Penglibatan dalam pengakap juga berupaya menjadikan remaja kini mampu menangkis serangan negatif masalah sosial yang menyalahi moral, fizikal dan tatasusila masya-

rakat negara ini," katanya.

Tunku Ismail berkata demikian semasa menyempurnakan Majlis Istiadat Penganugerahan Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap Malaysia dan Sijil Diraja Anugerah Pengakap Raja di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, baru-baru ini.

Majlis itu diadakan sebagai pengiktirafan kepada ahli pengakap yang

memberikan komitmen penuh dan banyak menyumbang jasa bakti kepada pasukan itu di negara ini.

Pengakap Raja adalah kelulusan ujian kepandaian tertinggi bagi ahli pengakap menerusi satu sistem penilaian oleh Lembaga Penarafan Pengakap Raja berdasarkan skema yang ditetapkan Persekutuan Pengakap Malaysia.

Seramai 251 anggota pengakap

menerima anugerah iaitu 59 penerima Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap dan 192 penerima Sijil Diraja Anugerah Pengakap Raja.

Turut hadir Ketua Pengakap Negara, Datuk Seri Paduka Dr. Shafie Mohd. Salleh dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Samad.